

# Sampah jadi duit selamatkan alam sekitar

Dr Mohd Yusoff Ishak



Pensyarah Kanan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia

**Pandemik COVID-19** yang bermula pada akhir 2019 banyak mengubah amalan biasa dalam kehidupan, cara berniaga dan alam sekitar.

Pelbagai kelaziman baharu dan inisiatif kewangan diperkenalkan dalam membantu negara mengatasi cabaran kesihatan awam dan kejutan ekonomi masing-masing.

Tidak terkecuali perubahan yang dilihat pada alam sekitar. Ramai yang berkongsi perubahan kualiti sungai dan udara yang bertambah baik semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun, memasuki fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini, ia semakin berubah kembali kepada keadaan asal seperti sebelum PKP. Malah pelitup muka dan sarung tangan terpakai antara jenis sisa baharu ditemui di merata tempat.

Semua alat pakai buang ini bersifat tidak terurai dan perlu dilupuskan dengan kaedah klinikal bersesuaian.

Sisa plastik tidak akan mereput, sebaliknya mengurai amat perlahan kepada cebisan kecil yang mendatangkan impak buruk kepada haiwan seperti burung laut dan ikan, terutama apabila dikesan memasuki rantau makanan.

Ini terbukti apabila kajian University Plymouth mendapati satu pertiga daripada ikan yang ditangkap di United Kingdom (UK) didapati mengandungi cebisan kecil plastik.

Selain mencemar lautan, plastik juga menyumbang 13 peratus daripada jumlah pelepasan gas rumah hijau global pada setiap peringkat kitaran, bermula daripada pembuatan sehingga menjadi sisa.

Amat membimbangkan apabila pengeluaran bahan plastik pakai buang dan plastik barangan pengguna dijangka meningkat empat kali ganda menjelang 2050.

Lambakan plastik pakai buang turut berpunca daripada perubahan gaya hidup masyarakat yang memerlukan akses mudah dan murah kepada barangan keperluan harian seperti makanan dan barangan runcit.

Sehubungan itu, pelbagai



inisiatif seperti Hari Bebas Plastik dianjurkan di serata negeri dalam usaha mengurangkan penggunaan plastik pakai buang.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Pelan Hala Tuju 2018 menggariskan perancangan mengurangkan dan menghapuskan kebergantungan terhadap plastik pakai buang, terutamanya penyedut minuman serta bekas plastik.

Reaksi yang pelbagai terhadap pengharaman plastik pakai buang sudah dijangka memandangkan tahap kesediaan pengguna masih rendah, manakala pihak pengilang khuatir dengan kemungkinan terpaksa menutup operasi.

Sehubungan itu, kefahaman mengenai bahaya plastik pakai buang perlu dipertingkatkan bagi memastikan kempen dilaksanakan diterjemah kepada tindakan pengurangan sisa yang sampai ke tapak pelupusan.

Kerajaan sewajarnya menuruskan agenda hala tuju plastik pakai buang 2030 yang dipelopori sebelum ini. Melihat masalah besar bakal dihadapi negara, langkah seterusnya yang perlu diambil adalah melalui pendekatan perundangan.

Satu akta mengenai pengurangan sisa plastik dan kitar semula perlu diwujudkan segera dengan menumpukan

**Kewujudan akta pengurusan sisa yang merangkumi kitar hayat sisa bermula daripada penjaan sehingga ke tapak pelupusan adalah elemen penting dalam memastikan kualiti alam sekitar mencapai tahap yang membanggakan.**

penyelarasan semua program kajian dan penyelidikan (R&D) berkaitan sisa, selain memastikan impak program oleh agensi berkaitan seperti SWCorp.

Tumpuan juga harus diberi kepada aspek mencegah penjaan sisa agar kurang sisa yang dihasilkan.

Akta baharu ini perlu melihat usaha pengurangan sisa secara holistik serta merangkumi sisa elektronik, tekstil lusuh, minyak masak terpakai dan sisa makanan.

Ini selari konsep *from waste to wealth* (daripada sampah jadi duit) yang bermaksud sisa

seharusnya diolah agar menjadi sumber pendapatan kepada kita.

Sebagai contoh, sisa makanan boleh diproses bagi tujuan makanan ternakan, minyak masak terpakai sebagai biodiesel, manakala komponen dalam sisa elektronik boleh dikitar semula.

Ini memerlukan pengasingan komposisi sisa serta pemantauan kualiti bagi memberi nilai tambah yang sewajarnya.

Sehubungan itu, akta baharu ini juga harus memperuntukkan dana penyelidikan bagi meneroka potensi bahan mesra alam yang baharu dan boleh urai sebagai pengganti kepada sumber tidak boleh diperbaharui dalam pengeluaran plastik.

Aktiviti R&D berteraskan pendekatan terkini seperti data raya perlu digabungkan dengan kajian sosioekonomi serta tabiat masyarakat pengguna agar sebarang penyelesaian terhadap masalah sisa diterima baik pengguna disasarkan.

Sudah tiba masanya kerajaan menetapkan piawaian bagi pihak berkepentingan dalam industri dan teknologi kitar semula dengan membabitkan semua pihak termasuk pertumbuhan bukan kerajaan (NGO), sukarelawan dan penyelidik.

Ini termasuk menetapkan berapa banyak bahan plastik pakai buang yang boleh diguna-

kan dalam sesuatu barangan.

Agensi berkaitan alam sekitar perlu mewujudkan panduan bagi piawaian mengenai label produk bagi tujuan panduan kepada pengguna. Pilihan harus dihadkan kepada produk dengan label yang jelas sama ada boleh dikitar semula, guna semula atau diurai.

Pihak industri dan komersial perlu berubah dengan menerima pakai piawaian baharu had sisa yang boleh dihasilkan oleh aktiviti masing-masing.

Seharusnya pihak industri beralih menggunakan teknologi terkini agar sisa yang dijanakan dapat dikurangkan melalui alternatif penggunaan bahan yang boleh dikitar semula atau boleh diurai.

Kajian menunjukkan secara jangka panjang, pengguna condong memilih produk mesra alam. Usaha beralih kepada yang lebih mesra alam juga dapat meningkatkan imej produk untuk pasaran tempatan dan juga antarabangsa.

Peruntukan seterusnya adalah menguatkuasakan pendekatan Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (EPR) dan memberi nilai kepada sisa.

Melalui EPR, pengguna mempunyai sebab yang lebih untuk turut terbabit dalam aktiviti berkaitan barangan kitar semula, manakala pengeluar akan berpeluang turut sama dalam program kitar semula dengan cara belian balik barangan pengguna yang mengitar semula.

Memahami kegusaran industri, kemudahan moratorium untuk usaha menggantikan bahan alternatif baharu atau teknologi yang lebih mesra alam bagi memastikan kedua-dua pihak penjaan sisa dan pengawal dasar dapat turut sama menangani pencemaran.

Akhir sekali, perundangan baharu ini juga harus memperjelas aktiviti import dan eksport sisa plastik agar Malaysia tidak menjadi mangsa keadaan serta beban kepada mana-mana pihak, terutama orang awam yang terpaksa menghidu asap aktiviti pembakaran sisa plastik.

Kesimpulannya, kewujudan akta pengurusan sisa yang merangkumi kitar hayat sisa bermula daripada penjaan sehingga ke tapak pelupusan adalah elemen penting dalam memastikan kualiti alam sekitar mencapai tahap yang membanggakan kita.

Kita tiada pilihan selain mengurangkan sisa dengan kaedah yang lebih mesra alam demi keamanan negara.